

# Arahan PM kepada kementerian untuk gerak ekonomi

# Bayar hutang kontraktor

**BH 2 MAY 2001**

**Oleh Kadir Dikoh dan Mohd Fuad Razali**

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua kementerian menyelesaikan segera hutang tertunggak kepada kontraktor serta pembekal projek kerajaan.

Perdana Menteri juga mengarahkan semua kementerian menghantar laporan terus kepadanya setiap dua minggu bagi membolehkannya mengetahui cara mereka membelanjakan peruntukan yang diberikan kerajaan.

Katanya, langkah itu bertujuan menggerakkan kegiatan ekonomi supaya peruntukan dibelanjakan dan kontraktor yang menjalankan projek kerajaan dapat menggunakan wang untuk meneruskan perniagaan mereka tanpa perlu menunggu lama.

Malah, beliau berkata kementerian juga perlu membuat pembayaran berdasarkan kemajuan sesuatu projek yang dilaksanakan, supaya wang terus beredar dalam pasaran bagi membantu menggerakkan ekonomi.

“Sekarang ini kita nak supaya kementerian membayar semua hutang secepat mungkin. Saya minta kerjasama semua pihak supaya apabila sesuatu projek itu selesai, tolong bayar.

“Kalau projek itu separuh selesai, kita bayar (juga). Jangan kita tangguh pembayaran. Kalau kita tak belanja, negara rugi. Kerajaan ada duit, tak guna kalau di simpan bawah bantal,” katanya dalam sesi soal jawab selepas berucap selama kira-kira 80 minit pada majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 bagi kakitangan sektor awam, di sini hari ini.

Kira-kira 1,000 kakitangan awam hadir,

**LIHAT MUKA 2**

# Lewat buat bayaran punca projek tergendala

## PARI MUKA 1

termasuk isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam.

Dr Mahathir berkata, tindakan sesetengah kementerian yang lambat membuat pembayaran kepada kontraktor boleh membantutkan projek mereka.

"Bila duit tak bayar, ia tidak berguna. Duit bila beredar (beredar dalam pasaran), baru ia mempunyai nilai. Bila guna duit itu, orang lain akan dapat untung juga, barulah duit itu berkembang," katanya.

Ketika mengumumkan beberapa tindakan bagi mengekang kesan kelembapan eko-

nomi Amerika Syarikat pada 27 Mac lalu, Dr Mahathir antara lain menyatakan Kementerian Kewangan dikehendaki memberi laporan setiap minggu kepadanya mengenai cara wang peruntukan dibelanjakan.

Jika lambat, pejabat Perdana Menteri mahu mereka memberi penjelasan supaya wang yang diperuntukkan, dibelanjakan.

Hari ini, beliau menyatakan baru-baru ini semua kementerian dikehendaki memberi laporan kepadanya setiap dua minggu untuk mengetahui cara wang yang diperuntukkan itu dibelanjakan.

"Kalau tak nak (peruntukan), bagi untuk yang lain. Jadi bila saya minta laporan itu, semua kementerian terpaksa kena buat (lapor) dua minggu sekali kepada saya... saya dapati belanja cukup baik sekali.

"Tujuannya bukan sangat nak belanja, tetapi (tindakan itu) supaya projek berjalan dan membantu meningkatkan aktiviti ekonomi dalam negara," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir menegur kecenderungan sesetengah syarikat asing di sini memindahkan operasi mereka ke negara lain, yang dikatakan lebih rendah kosnya, menyebabkan ribuan pekerjaan.

Katanya, ini adalah satu daripada kesan era globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang perlu dihadapi secara bersama oleh kerajaan, majikan dan pekerja.

"Cabaran globalisasi ialah bila kita benarkan modal masuk, kita terpaksa benarkan modal ditarik keluar bermakna kehilangan pekerjaan," katanya.

Beliau memberikan contoh bagaimana kira-kira 14,000 pekerja tempatan baru-baru ini hilang pekerjaan apabila kilang mereka ditutup atas nama globalisasi.

Beliau berkata, secara umum ada syarikat yang memindahkan operasi mereka ke negara lain seperti China kerana kos yang dikatakan lebih rendah.

"Ini adalah masalah kepada kita kerana orang asing hanya lihat keuntungan mereka saja," katanya.

Beliau berkata, satu lagi cabaran globalisasi ialah syarikat asing, termasuk institusi perbankan melakukan penggabungan sesama mereka hingga melahirkan syarikat gergasi sebagai persiapan memasuki negara kurang maju secara besar-besaran.

Katanya, pada masa ini syarikat di Barat menerusi

Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) mahu supaya status nasional diberikan kepada syarikat mereka yang mahu menembusi pelbagai sektor ekonomi di negara lain.

Dr Mahathir berkata, bagi syarikat yang dikuasai pelabur asing, pekerja mungkin dibayar gaji yang lebih tinggi, tetapi ia tidak menghalang syarikat berkenaan daripada memberhentikan pekerja mereka.

"Inilah tabiat sesetengah syarikat, masalah buang pekerja. Sekarang ini kita masih boleh tangani masalah ini, tetapi pada masa depan kita mungkin tak boleh lagi jaga kepentingan pekerja.

"Apa yang penting ialah kerajaan, majikan dan pekerja mesti bersatu kerana jika tidak, kita akan hilang kebebasan dan kemerdekaan kita," katanya.